



NEGERI PERAK

Warta Kerajaan

DITERBITKAN DENGAN KUASA

GOVERNMENT OF PERAK GAZETTE

PUBLISHED BY AUTHORITY

33
9

25hb April 1985

TAMBAHAN No. 7
PERUDANGAN

Pk. P.U. 17.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976

UNDANG-UNDANG KECIL PELESENAN ANJING
(MAJLIS DAERAH KINTA BARAT), 1985

Akta 171. PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 73 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis Daerah Kinta Barat membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut, Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut:

Nama dan pemakaian. 1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Pelesenan Anjing (Majlis Daerah Kinta Barat) 1985 dan hendaklah dipakai hanya bagi kawasan Majlis Daerah Kinta Barat.

Tafsiran. 2. Dalam undang-undang kecil ini, melainkan jika kandungan ayatnya menghendaki makna yang lain:

Akta 147. 'dokter veterinar' ertinya doktor veterinar yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Doktor Veterinar 1974;

'lencana logam' ertinya lencana logam seperti yang tersebut dalam undang-undang kecil 4 (2) (b);

'pemunya' berhubung dengan anjing ertinya orang yang memiliki, menjaga atau mengawal anjing itu; tetapi jika sekiranya merasa ragu tentang keempunyaan seseekor anjing, pemunya atau penduduk premis yang sering didatangi oleh anjing itu atau seseorang yang biasanya memberi makan anjing itu hendaklah disifatkan sebagai pemunya sehingga dibuktikan sebaliknya oleh pemunya, penduduk atau orang itu;

'Yang Dipertua' ertinya Yang Dipertua, Majlis Daerah Kinta Barat.

3. (1) Tiada seseorang boleh memiliki, menyimpan, melindungi atau menyenggara anjing yang telah mencapai umur tiga bulan melainkan jika ianya telah dilesenkan di bawah undang-undang kecil ini. Kehendak
pelesenan.

(2) Sesuatu lesen itu hendaklah habis tempoh pada 31hb Disember pada tahun lesen itu dikeluarkan.

4. (1) Sesuatu permohonan untuk mendapatkan suatu lesen hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang diperuntukkan oleh Yang Dipertua dan hendaklah disertakan dengan bayaran untuk lesen sebanyak sepuluh ringgit. Tatacara
pelesenan

(2) Selepas menerima sesuatu permohonan dan bayaran untuk lesen itu, pegawai pelesenan hendaklah—

- (a) mendaftarkan anjing yang berkenaan dengan menyebabkan sesuatu catatan dibuat dalam daftar yang disimpan bagi maksud itu mengenai perihal anjing dan nama serta alamat pemunya;
- (b) mengeluarkan kepada pemunya anjing itu suatu lesen dalam bentuk lencana logam yang sesuai yang mempunyai nombor siri yang sama dengan nombor pendaftaran anjing itu; dan
- (c) mengeluarkan kepada pemunya itu sesuatu resit bagi bayaran yang dibayar, mengandungi perihal anjing dan mempunyai tandatangan pegawai pelesenan.

5. Jika terdapat pertukaran keempunyaan seseekor anjing yang berlesen, pemunya yang baru hendaklah, dalam tempoh sebulan dari itu, memberitahu pegawai pelesenan mengenai pertukaran itu; dan pegawai pelesenan itu hendaklah mendaftar nama serta alamat pemunya baru itu dengan percuma. Pertukaran
keempunyaan
anjing yang
berlesen.

6. Tiada penggantian boleh dikeluarkan bagi lencana logam yang hilang, tetapi pemunya anjing berkenaan boleh mendapatkan suatu lesen baru atas permohonan dan pembayaran fee sebanyak sepuluh ringgit. Kehilangan
lencana logam.

7. Pemunya anjing yang berlesen hendaklah mengadakan kolar anjing yang sesuai untuk dipakai oleh anjing itu, yang padanya lencana logam semasa itu hendaklah dipasang dengan kukuh mengikut apa-apa cara untuk boleh dilihat jika kolar itu dipakai oleh anjing itu. Memakai kolar
anjing dan
lencana logam

8. Pemunya anjing hendaklah:

- (a) Jika anjing itu berpenyakit, mengambil langkah seberapa segera yang boleh untuk membolehkan anjing itu diperiksa dan dirawat oleh seorang doktor veterinar, dan tidak boleh membiarkan anjing itu disimpan di premisnya melainkan anjing itu telah diperiksa di bawah rawatan seorang doktor veterinar; Kewajipan
pemunya.
- (b) menyenggara rumah anjing di mana anjing itu ditempatkan dalam keadaan cuci dan bersih;
- (c) membuang dari premisnya apa-apa bahan najis daripada anjing itu, dan berbuat begitu mengikut atau dengan apa-apa cara yang tidak mungkin akan menyebabkan kesalahan atau kesusahan kepada orang-orang lain;
- (d) mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak mengganggu, disebabkan oleh salakan yang tidak berhenti-henti atau selainnya kepada jiran-jirannya.

(c) mengambil langkah-langkah yang perlu untuk memastikan bahawa anjing itu tidak merayau di luar kawasan premis pemunya dan bahawa anjing itu berikat apabila di bawa keluar daripada premis pemunya.

Pembinaan.

9. (1) Mana-mana anjing yang berumur lebih daripada tiga bulan dijumpai lepas bebas atau dijumpai ditempat awam dengan tidak memakai leunca logam dan mana-mana anjing yang berpenyakit yang bukan di bawah rawatan doktor veterinar boleh dibinasakan oleh mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua, dan mana-mana orang yang diberi kuasa sedemikian boleh pada bila-bila masa memasuki mana-mana tanah atau premis, selain daripada rumah tempat tinggal, bagi maksud mencari, mendapatkan, merampas atau membinasakan anjing itu.

(2) Mana-mana anjing, sama ada berlesen atau tidak, yang pemunya tidak ditemui, boleh dibinasakan atau selainnya dilupuskan sebagaimana yang diarahkan oleh Yang Dipertua atau mana-mana orang yang diberi kuasa bagi maksud itu oleh Yang Dipertua.

Bilangan anjing yang dibicarakan.

10. (1) Pemunya harta yang mempunyai kawasan 930 meter persegi atau kurang tidak boleh menyimpan atau membenarkan disimpan lebih daripada dua ekor anjing di atas hartanya dan jika kawasan itu lebih daripada 930 meter persegi, hadnya ialah empat ekor anjing melainkan jika selainnya diluluskan oleh Yang Dipertua dalam mana-mana kes tertentu.

(2) Tiada anjing boleh disimpan lebih tinggi daripada tingkat bawah mana-mana bangunan.

Pelesenan tempat-tempat di mana anjing disimpan bagi maksud perdagangan.

11. (1) Tiada seseorang boleh menggunakan mana-mana bangunan premis atau pegangan untuk menyimpan anjing untuk pembiakan bagi maksud perdagangan atau sebagai rumah anjing veterinar atau klinik melainkan jika dilesenkan oleh Yang Dipertua bagi maksud itu.

(2) Suatu permohonan untuk mendapatkan lesen hendaklah dibuat dalam borang sebagaimana yang diperuntukkan oleh Yang Dipertua dan hendaklah disertakan dengan bayaran untuk lesen sebanyak seratus lima puluh ringgit.

Penalti.

12. Tiap-tiap orang yang melanggar undang-undang kecil ini adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh dikenakan denda tidak lebih daripada lima ratus ringgit atau di-hukum penjara tidak lebih daripada enam bulan atau denda dan penjara kedua-dua sekali.

Diperbuat pada 15hb Februari 1984.
[MDKB Bg. 50/80 Sj. II: PU Pk. 112/75.]

HAI ZAINALABDIN BIN MAAMOR,
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Kinta Barat

Disahkan pada 9hb Januari 1985.
[PSUK Pk. (KT) 21153/4.]

MOHD. SHAHAR BIN HAH ALANG SAIDIN,
Setiausaha,
Majlis Peringkat Kerajaan, Perak

LOCAL GOVERNMENT ACT, 1976
LICENSING OF DOGS (KINTA BARAT DISTRICT COUNCIL)
BY-LAWS, 1985

In exercise of the powers conferred by section 73 of the Local Government Act 1976, the Kinta Barat District Council makes, and pursuant to section 106 of the said act, the State Authority confirms, the following by-laws:

1. These by-laws may be cited as the Licensing of Dogs (Kinta Barat District Council) By-Laws 1985 and shall apply only to the Kinta Barat District Council area. Act 171.
Citation and application.
2. In these by-laws unless the context otherwise requires—
 - 'metal badge' means a metal badge such as in mentioned in by-law 4 (2) (b);
 - 'owner' in relation to a dog means the person having possession, custody or control of the dog; but in any case of doubt concerning the ownership of a dog, the owner or occupier of the premises frequented by the dog or the person who habitually feeds the dog shall be deemed to be its owner until the contrary is proved by such owner, occupier or person;
 - 'President' means the President of the Kinta Barat District Council;
 - 'Veterinary surgeon' means a veterinary surgeon as defined in section 2 of the Veterinary Surgeon Act, 1976. Act 147.
3. (1) No person shall own, keep, harbour or maintain a dog that has reached the age of three months unless it is licensed under these by-laws; Licensing requirement.
 - (2) A licence shall expire on the 31st December of the year in which it is issued.
4. (1) An application for a licence shall be made in such form as may be provided by the President and shall be accompanied by a licence fee of ten ringgit. Licensing procedure.
 - (2) Upon receipt of an application and the licence fee, the licensing officer shall—
 - (a) register the dog concerned by causing an entry to be made in a register kept for the purpose of the description of the dog and the name and address of its owner;
 - (b) issue to the owner of the dog a licence in the form of a suitable metal badge bearing a serial number corresponding with the registration number of the dog; and
 - (c) issue to the owner of the dog a receipt for the fee paid, containing a description of the dog and bearing the signature of the licensing officer.
5. Where there has been a change of ownership of a licensed dog, the new owner shall, within one month thereof, notify the licensing officer of the change; and the licensing officer shall register free of charge the name address of the new owner. Change of ownership of licensed dog.

- Loss of metal badge. 6. No replacement will be issued for a lost metal badge, but the owner of the dog concerned may obtain a new licence on application and payment of a fee of ten ringgit.
- Wearing of dog collar and metal badge. 7. The owner of a licensed dog shall provide a suitable collar to be worn by the dog, to which the current metal badge shall be securely fastened in such manner as to be visible when the collar is worn by the dog.
- Duties of owner. 8. The owner of a dog shall--
- (a) if the dog is diseased, take steps as soon as possible to have it examined and treated by a veterinary surgeon, and not allow the dog to be kept on his premises unless the dog has been examined and is under treatment by a Veterinary Surgeon;
 - (b) maintain the kennel in which the dog is housed in a clean sanitary condition;
 - (c) rid his premises of any faecal matter discharged by the dog, and do so in such manner or by such means as will not be likely to cause offence or inconvenience to other persons;
 - (d) take reasonable steps to ensure that the dog is not a nuisance, by reason of incessant barking or otherwise, to his neighbours;
 - (e) take reasonable steps to ensure that the dog does not stray outside the owner's premises and that the dog is on leash when taken out of the owner's premises.
- Destruction. 9. (1) Any dog over the age of three months found at large or in a public place not wearing its current metal badge and any diseased dog which is not under treatment by a veterinary surgeon may be destroyed by any person authorised in that behalf by the President, and any person so authorised may at any time enter any land or premises, other than a dwelling-house, for the purpose of searching for, securing, impounding or destroying the dog.
- (2) Any dog, whether licensed or not, the owner of which cannot be found, may be destroyed or otherwise disposed of as directed by the President or any person authorised in that behalf by the President.
- Number of dogs permitted. 10. (1) The owner of a property which has an area of 930 square metre or less shall not keep or allow to be kept more than two dogs on the property, and where the area is more than 930 square metre the limit is four dogs unless otherwise approved by the President in any particular case.
- (2) No dog shall be kept above the ground floor or any building.
- Licensing of places where dogs are kept for commercial purposes. 11. (1) No person shall use any building, premises or holding to keep dogs for breeding for commercial purpose or as a veterinary kennel or clinic unless licensed by the President in that behalf.
- (2) An application for a licence shall be made in such form as may be provided by the President and shall be accompanied by a licence fee of one hundred and fifty ringgit.

12. Every person who contravenes any of these by-laws commits an offence and shall on conviction be liable to a fine not exceeding five hundred ringgit or to a term of imprisonment not exceeding six months or to both such fine and imprisonment. *Penalty.*

Made the 15th day of February 1984.
[MDKB Bg. 50/80 Sj. II; PU Pk. 112/75.]

HAJI ZAINALABIDIN BIN MAAMOR,
President,
Kinta Barat District Council

Confirmed this on 9th day of January 1985.
[PSUK Pk. (KT) 21153/4.]

MOHD. SHAHAR BIN HAJI ALANG SAIDIN,
Clerk, State Executive Council, Perak

Pk. P.U. 18.

AKTA KERAJAAN TEMPATAN, 1976
(Akta 171)

UNDANG-UNDANG KECIL MAJLIS PERBANDARAN IPOH
(BANGUNAN-BANGUNAN KEPUNYAAN MAJLIS) (PINDAAN)
1985

PADA menjalankan kuasa-kuasa yang diberi oleh seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan, 1976, Majlis Perbandaran Ipoh dengan ini membuat dan menurut seksyen 103 Akta tersebut. Pihak Berkuasa Negeri mengesahkan undang-undang kecil berikut: *Akta 171.*

1. Undang-undang kecil ini bolehlah dinamakan Undang-Undang Kecil Majlis Perbandaran Ipoh (Bangunan-Bangunan Kepunyaan Majlis) (Pindaan) 1985. *Nama.*

2. Jadual kepada undang-undang kecil Majlis Perbandaran Ipoh (Bangunan-bangunan Kepunyaan Majlis) 1981 adalah dengan ini dipinda dengan menambah butiran-butiran baru yang berikut selepas sahaja butiran 6— *Pindaan kepada Jadual. Pk. P.U. 15/82.*

"7. Jalan Kampong
Simce

Ruang Pejabat:

- | | |
|--------------------|-----------|
| (i) Tingkat Bawah— | |
| No. 4, 6A, 6C | \$170.00 |
| No. 6, 6R, 6D | \$150.00 |
| No. 6E (Kafeteria) | \$120.00 |
| (ii) Tingkat Atas— | |
| No. 2-1, 4-1, 6-1, | |
| 6A-1, 6B-1, 6C-1, | |
| 6D-1, 6E-1 | \$150.00" |

Bertarikh pada 1hb Ogos 1984
[MPI 131/23; PU Pk. 81/70.]

DATO' NASIR BIN TAHAR,
Timbalan Yang Dipertua,
Majlis Perbandaran Ipoh

Disahkan pada 6hb Februari 1985.
[PSUK Pk. (KT) 4074/63 Jld. 3.]

MOHD. SHAHAR BIN HJ. ALANG SAIDIN,
Setiausaha,
Majlis Mesyuarat Kerajaan, Perak